



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

“SABARIAH HASSAN KSU BAHARU KPWKM, NOORUL AINUR KSU MOSTI”

PUTRAJAYA, 4 JULAI - Dato' Sabariah Hassan dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggantikan Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur yang bertukar ke Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai KSU baharu mulai 7 Julai 2014.

Noorul Ainur menggantikan Dato' Dr. Rosli Mohamed yang memulakan cuti sebelum bersara pilihan.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa dalam kenyataannya berkata dengan peralihan ini kedua-dua pegawai yang dilantik diharapkan berupaya berkhidmat di organisasi masing-masing untuk menjana perspektif, pendekatan dan inisiatif baharu yang dapat menggalakkan kreativiti dan inovasi.

Sementara itu, Sabariah Hassan yang ditemui selepas Majlis Perpisahan Ketua Setiausaha KPWKM berkata, kejayaan KPWKM yang ada pada hari ini perlu diteruskan selaras dengan visi Kementerian untuk memberi khidmat kepada kumpulan sasar dengan sebaik mungkin.

“Justeru, semua kakitangan Kementerian perlu menyemai pemikiran positif dan terbuka dalam menggalas tugas dan melaksanakan tanggungjawab dengan amanah dan integriti,” katanya.

Noorul Ainur dalam ucapannya turut menasihati kepada Pegawai Atasan agar sentiasa memberi peluang dan mendengar pandangan pegawai bawahan dalam menjalankan tugas selain bekerja dalam pasukan secara dedikasi dan harmoni.

Sabariah Hassan, 57, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Kesihatan (Health Management) dari Universiti Birmingham, United Kingdom.

Beliau menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1 Disember 1981 dan berkhidmat sebagai Timbalan KSU (Operasi) KPWKM mulai 20 September 2011.

Sabariah juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian Sumber Manusia, dan Setiausaha Bahagian (Kanan) Pengurusan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Manakala, Noorul Ainur, 56, berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) Sains Politik dari *City University Of New York*, dan Ijazah Sarjana Pengurusan Pembangunan (Agensi Sektor Awam Malaysia). Beliau menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988.

Beliau yang berkhidmat sebagai KSU KPWKM mulai 19 September 2010 itu, pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM dan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

